

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

١٠- كِتَابُ الْأَذَانِ

10- Kitab Azan¹¹⁴²

¹¹⁴² Setelah membicarakan waktu-waktu sembahyang di bawah sekian banyak bab, Imam Bukhari membicarakan pula tentang azan. Oleh kerana azan itu dilaungkan apabila dipastikan telah masuk sesuatu waktu sembahyang, maka sesualah Kitab (bab besar) azan diletakkan selepas Kitab waktu-waktu sembahyang. Di bawah Kitab al-Azan ini juga terdapat sekian banyak bab-bab kecil dan akan dikemukakan satu per satu oleh Bukhari. Dari segi bahasa `Arab, azan bererti pengumuman, perisytiharan, pemberitahuan dan pema`luman. Allah berfirman:

وَأَذِّنْ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِلَى النَّاسِ يَوْمَ الْحَجِّ الْأَكْبَرِ أَنَّ اللَّهَ بَرِيءٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ وَرَسُولُهُ فَإِنْ تُبْتُمْ فَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَإِنْ تَوَلَّيْتُمْ فَأَعْلَمُوا أَنَّكُمْ غَيْرُ مُعْجِزِي اللَّهِ وَبَشِّرِ الَّذِينَ كَفَرُوا بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿١٠﴾

Bermaksud: Dan inilah perisytiharan dari Allah dan RasulNya kepada umat manusia, (diisytiharkan) pada Hari Raya Haji yang terbesar, bahawa sesungguhnya Allah dan RasulNya memutuskan tanggungjawab terhadap orang-orang musyrik; oleh itu jika kamu (wahai kaum musyrik) bertaubat (dari kufur) maka yang demikian adalah baik bagi kamu dan jika kamu berpaling (ingkar), maka ketahuilah sesungguhnya kamu tidak akan dapat melepaskan diri dari (azab seksa) Allah dan khabarkanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang kafir (bahawa mereka akan ditimpakan) dengan azab yang tidak terperi sakitnya. (at-Taubah:3).

Azan adalah mashdar sama`i bagi أَذَّنْ يُؤَذِّنُ dari bab taf`il. Tashrif lengkapnya ialah أَذَّنْ تُؤَذِّنُ أَذَانًا, sama seperti tashrif كَلَّمَ يَكَلِّمُ كَلَامًا. Al-Hirawi berkata, أَذَانٌ, أَذَانٌ dan أَذَانٌ semuanya memberi erti yang sama. Menurut Syari`at, azan ialah: إعلام مخصوص بالفاظ مخصوصة في أوقات مخصوصة Bermaksud: “Pengumuman khusus dengan perkataan-perkataan tertentu pada waktu-waktu tertentu.”

Kata al-Qurthubi, “Azan yang amat ringkas perkataan-perkataannya itu mengandungi asas-asas `aqidah Islam. Ia dimulakan dengan menyebut nama Allah bersama-sama pengitsbatan sifatNya ‘Maha Besar’. Dalam pengitsbatan sifat ‘Maha Besar’ kepada Allah itu sudah terkandung erti penerimaan sifat wujud dan sempurna bagiNya. Ia disusuli dengan kalimah penyaksian terhadap `aqidah tauhid dan kerasulan Muhammad. Selepas penyaksian terhadap kerasulan Muhammad, diserulah kepada suatu bentuk keta`atan yang khusus iaitu shalat yang tidak diketahui melainkan setelah diberitahu oleh seorang rasul. Kemudian diseru pula kepada kemenangan dan kejayaan sebenar iaitu kehidupan yang abadi di akhirat. Beberapa perkataan diulangi muazzin semata-mata untuk menguatkan apa yang tersebut sebelumnya. Tujuan utama dilaungkan azan ialah untuk memberitahu orang ramai tentang telah masuknya waktu sembahyang tertentu di samping menyatakan syi`ar Islam. Ia juga bertujuan mengajak mereka mengerjakan shalat secara

١- بَابُ بَدْءِ الْأَذَانِ (وَقَوْلِهِ) عَزَّ وَجَلَّ [وَإِذَا مَدَّيْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ ائْحَذُوا هُزُؤًا وَلَعَبًا ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْقِلُونَ] وَقَوْلِهِ [إِذَا تَوَدَّى لَهَا] مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ .

1- Bab Permulaan Azan¹¹⁴³ Dan Firman Allah, (Bermaksud): Dan Apabila Kamu Menyuru (Azan) Untuk Mengerjakan Sembahyang, Mereka Menjadikan Sembahyang Itu

berjama'ah. Hikmat di sebalik pemilihan ucapan untuk memberitahu tentang masuknya waktu sesuatu sembahyang dan mengajak orang ramai bersembahyang jama'ah ialah kerana ia mudah dilakukan oleh sesiapa sahaja dan di mana-mana sahaja. Hal itu tidak akan dapat dicapai dengan perbuatan atau tindakan tertentu."

¹¹⁴³ Permulaan azan adalah terjemahan kepada rangkaian kata بدء الأذان. Sesetengah pensyarah Sahih Bukhari berpendapat, perkataan بدء yang digunakan di dalam tajuk bab Sahih Bukhari dan Sunan Tirmizi seringkali dipakai dengan erti sejarah. Dengan itu, ia boleh juga diterjemahkan dengan sejarah azan. Maksud Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan bila dan di manakah azan itu mula disyari'atkan? Bagaimana pula kronologi pensyari'atannya? Jawapan kepada persoalan bila dan di mana ia disyari'atkan dapat anda perolehi daripada dua firman Allah yang dikemukakan oleh beliau di dalam tajuk bab ini. Kronologinya pula dapat anda perolehi daripada riwayat-riwayat yang dikemukakannya di bawah bab ini. Bagi Bukhari, dua ayat yang dikemukakan oleh beliau itu menunjukkan azan (baru) disyari'at di Madinah. Ini kerana kedua-dua ayat berkenaan adalah Madaniyyah. Kedua-dua Surah, al-Maa'idah dan al-Jum'ah yang terletak di dalamnya dua ayat tersebut juga merupakan surah-surah Madaniyyah. Menurut jumhur 'ulama' azan disyari'at di Madinah pada tahun 1 Hijriah. Inilah pendapat yang ditarjihkan oleh Hafiz Ibnu Hajar, al-Qasthallaani dan lain-lain. Memang tidak dapat dinafikan bahawa ada beberapa hadits yang menunjukkan azan telah disyari'atkan di Mekah. Tetapi semuanya adalah dha'if. Berikut dikemukakan dua sahaja daripadanya:

(1) At-Thabaraani meriwayatkan, katanya: حَدَّثَنَا الثَّعْمَانُ بْنُ أَحْمَدَ تَنَا أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنِ مَاهَانَ حَدَّثَنِي أَبِي تَنَا طَلْحَةُ بْنُ زَيْدٍ عَنْ يُونُسَ بْنِ يَزِيدَ عَنِ الرَّهْرِيِّ عَنْ سَالِمٍ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا أُسْرِيَ بِهِ إِلَى السَّمَاءِ أَوْحِيَ إِلَيْهِ بِنَزْلِ جِبْرِيلَ بِفَعْلَمَهُ جِبْرِيلَ بِالْأَذَانِ فَزَلَّ بِهِ فَعَلَّمَهُ جِبْرِيلَ Bermaksud: Sesungguhnya diwahyukan azan kepada Nabi s.a.w. ketika Baginda diisra'kan ke langit. Setelah membawanya turun (ke bumi), azan itu diajar pula oleh Jibril a.s. (Hadits riwayat at-Thabaraani di dalam al-Mu'jamu al-Al-Ausath j.9 m/s 100, lihat juga Ibnu Syaahin di dalam an-Naasikh m/s 181). Di dalam isnad hadits ini ada Thalhah bin Zaid. Sesetengah 'ulama' rijaal hadits mengatakan dia perawi dha'if dan matruk. Al-Haitsami di dalam Majma' az-Zawa'id pula mengatakan, dia dikatakan telah mereka hadits. Imam Ahmad, 'Ali Ibnu al-Madini dan Abu Daud terlebih dahulu telah mengatakan Thalhah bin Zaid adalah pereka hadits.

(2) Hafiz Ibnu Hajar menukilkan satu riwayat yang dikemukakan oleh ad-Daaraquthni di dalam al-Athraafnya daripada Anas: أَنَّ جِبْرِيلَ أَمَرَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْأَذَانِ حِينَ فُرِضَتِ الصَّلَاةُ Bermaksud: "Sesungguhnya Jibril telah menyuruh Nabi s.a.w. (melaungkan) azan ketika sembahyang difardhukan." Setelah mengemukakan hadits ini Hafiz mengatakan isnadnya dha'if. (Lihat Fathul Baari j.2 m/s 78). Selain dua hadits ini, Hafiz Ibnu Hajar juga telah mengemukakan beberapa

Sebagai Ejek-Ejekan Dan Permainan. Yang Demikian Itu Ialah Kerana Mereka Suatu Kaum Yang Tidak Berakal. (Al-Maa'idah;58).¹¹⁴⁴ Dan Firmannya, (Bermaksud): ... Apabila Diseru Untuk Menunaikan Shalat Jum'at ... (Al-Jumu'ah:9).¹¹⁴⁵

٦٠٣ - حَدَّثَنَا عِمْرَانُ بْنُ مَيْسَرَةَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَارِثِ حَدَّثَنَا خَالِدُ الْحَذَّاءُ عَنْ أَبِي قِلَابَةَ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ ذَكَرُوا

النَّارَ وَالنَّافُوسَ فَذَكَرُوا الْيَهُودَ وَالنَّصَارَى فَأَمَرَ بِأَلٍّ أَنْ يَشْفَعَ الْأَذَانَ وَأَنْ يُؤْتِيَ الْإِقَامَةَ

603- 'Imraan bin Maisarah meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdul Waarits meriwayatkan kepada kami, katanya: Khalid al-Hazza' meriwayatkan kepada kami daripada Abi Qilaabah daripada Anas bin Malik, kata beliau, "Orang-orang menyebut-nyebut api dan kertuk (dalam mengusulkan cara memanggil orang ramai bershalat).

hadits yang lain berhubung dengan azan di Mekah. Kemudian beliau mengatakan semuanya dha'if. Bukan Hafiz Ibnu Hajar sahaja berpendapat begitu, malah para muhadditsin yang lain juga mengatakan riwayat-riwayat yang menunjukkan azan disyari'atkan pada malam mi'raj atau disyari'atkan di Mekah sebelum hijrah Nabi ke Madinah, semuanya dha'if. Ibnu al-Munzir menyatakan keyakinannya bahawa semenjak sembahyang difardhukan di Mekah, Nabi s.a.w. mengerjakannya tanpa azan, sehinggalah Baginda berhijrah ke Madinah. Setelah berada di sana barulah ada perbincangan dan cadangan tentang apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengajak orang ramai bersembahyang jama'ah. Akhirnya Allah memberi mimpi benar kepada 'Abdullah bin Zaid dan beberapa orang sahabat yang lain, di samping mewahyukan juga kepada rasulNya tentang azan seperti yang ada hingga ke hari ini.

Selain hendak menyatakan bahawa al-Qur'an adalah rujukan utama ugama menurut pegangan Ahli as-Sunnah Wa al-Jama'ah, Imam Bukhari juga hendak menyatakan keelokan bertabarruk dengannya. Kerana itulah beliau memulakan Kitab al-Azan ini dengan dua firman Allah.

¹¹⁴⁴ Seruan mengajak orang ramai mengerjakan sembahyang yang tersebut di dalam ayat ini adalah dalam bentuk azan. Apabila azan mulai dikumandangkan di Madinah dan ia didengar oleh orang-orang Yahudi, mereka berkata, engkau telah mengadakan perkara baharu dalam agama wahai Muhammad! Maka turunlah ayat 58 Surah al-Maa'idah ini. Menurut sesetengah ahli tafsir, inilah sebab bagi turunnya ayat berkenaan. Bagi Bukhari, ia tentunya diturunkan di Madinah. Dengan itu dapatlah dikatakan syari'at azan itu bermula di Madinah.

¹¹⁴⁵ Seruan mengajak orang ramai mengerjakan sembahyang Jum'at yang tersebut di dalam ayat ini juga dalam bentuk azan. Ayat ini juga seperti ayat 58 Surah al-Maa'idah sebelumnya mengisyaratkan bahawa azan mulai disyari'atkan di Madinah. Kerana sembahyang Juma'at belum disyari'atkan di Mekah. Ia baru disyari'atkan setelah Nabi s.a.w. berhijrah ke Madinah.

Beginilah caranya Bukhari membuktikan adanya asas seruan azan di dalam al-Qur'an dan di mana ia mulai disyari'atkan. Oleh kerana hadits 'Abdullah bin Zaid bin 'Abdi Rabbih yang bermimpi bertemu dengan seseorang yang mengajarkan kepadanya ucapan-ucapan azan tidak ada yang menepati syarat beliau, Bukhari tidak mengemukakannya di sini. Beliau hanya berpada dengan dua ayat tadi sahaja.